

B B781 AAB

SELATAN - MAHATHIR

(I)

KUALA LUMPUR, 8 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENERIMA PERLANTIKAN SEBAGAI PENERUS SEBUAH KUMPULAN PENGELOLA YANG AKAN MENYEDIAKAN ASAS KE ARAH PEMBENTUKAN SURUHANJAYA BEBAS SELATAN MENGENAI ISU-ISU PEMBANGUNAN.

BELIAU BERHARAP DAPAT MENGEMUKAKAN LAPORAN MENJELANG PERSIDANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI DI HARARE, ZIMBABWE PADA 2 SEPT NANTI.

SEMASA MEMPENGERUSIKAN SESSI PENUTUPAN PERSIDANGAN KEMUNCAK KEDUA SELATAN-SELATAN DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN PEMBENTUKAN SURUHANJAYA YANG DICADANGKAN ITU SEBAGAI KEPUTUSAN PALING PENTING DICAPAI OLEH PERSIDANGAN ITU.

BELIAU BERKATA KUMPULAN PENGELOLA ITU AKAN MENGAJI BUTIR-BUTIR MENGENAI SURUHANJAYA ITU.

+KAMI AKAN BERUSAHA MEMBERESKAN TUGAS SECEPAT MUNGKIN. KAMI AKAN BERSIFAT PRAKTIKAL DAN BAGI KAMI TIDAK SUKA SEPANJANG MASA MELETAKKAN KESALAHAN KEPADA ORANG LAIN, TETAPI SEBALIKNYA MENUMPUKAN USAHA KEPADA APA YANG DAPAT KAMI LAKUKAN BAGI MENGATASI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA DI SELATAN.+ UJARNYA. -- LAGI.

1827MST 08 05 86

B B798 AAB

SELATAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

(I)

PERSIDANGAN ITU MENGHASILKAN DOKUMEN YANG DIKENALI SEBAGAI KENYATAAN KUALA LUMPUR YANG MENYEBUT PERLUNYA BAGI PIHAK SELATAN MENILAI SEMULA DENGAN SEGERA KEDUDUKANNYA DAN MERANGKA HALUAN MASA DEPAN.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR KEMUDIAN, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA WALAUPUN PERSIDANGAN KEMUNCAK TOKYO MENYATAKAN BAHAWA EKONOMI DUNIA BERTAMBAH PULIH, TETAPI KEADAANNYA DI SELATAN BERBEZA.

BELIAU BERKATA SELATAN BERPENDAPAT BAHAWA EKONOMI BELUM MENCAPAI PRESTASI YANG BEGITU BAIK +MALAHAN SETIAP ORANG SEPENDAPAT BAHAWA KITA SEDANG MENGHADAPI KRISIS EKONOMI YANG MEMERLUKAN TINDAKAN DIAMBIL BAGI MERINGANKAN MASALAH,+ KATANYA.

DALAM BERBUAT DEMIKIAN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PIHAK SELATAN PERLU BERSIKAP PRAKTIKAL DAN JELAS MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG INGIN DILAKUKAN OLEH MEREKA TERHADAP SESUATU ISU TERTENTU.

WALAUPUN SELATAN MENGHADAPI MASALAH DALAM PERBEZAAN IDEOLOGI, TETAPI BELIAU BERKATA, TERDAPAT BEBERAPA MASALAH BERSAMA DAN BAGI MENGATASI MASALAH ITU, KHUSUSNYA DALAM MENGATASI HARGA KOMODITI YANG TERTEKAN YANG KEBANYAKAN NEGARA DI SELATAN MENUMPUKAN PERGANTUNGAN MEREKA, MAKA SATU STRATEGI PERLU DIRANGKA. -- LAGI.

1916MST 08 05 86